



# EON

*Epitome of Nature*



**TS DR  
NOR'AISHAH  
HASAN**  
*SRIKANDI TEKNOLOGI*

**OMEGA-3**  
*PERANAN IKAN*

**MAKMAL  
MEGA**  
*PERANAN DALAM  
BIOLOGI MOLEKUL*

**CANVA**  
*MAKMAL  
KOMPUTER MAYA?*

**TEKNOLOGI  
PLASTIK**  
*APAKAH KESANNYA?*

**RISK  
MANAGEMENT IN  
MICROBIOLOGY  
LABORATORY**

**KENALI PENYAKIT  
IKAN DALAM  
MAKMAL**

**PLOGGING:  
A NEW TREND IN  
ENVIRONMENT?**

ISSN 2773-5869




9 772773 586005

## PESANAN PERTAMA

Wahai mahasiswa, sibuk bagaimanapun engkau dengan tugas atau aktiviti kampusmu, jangan pernah sesekali untuk meninggalkan solat lima waktu. Jaga dan peliharalah solatmu. Sentiasalah berusaha untuk mendisiplinkan dirimu agar dapat menunaikan solat pada awal waktunya. Tunaikanlah kewajipanmu terlebih dahulu kepada Sang Pencipta yang Maha Esa. Percayalah bahawa jika engkau telah menunaikan kewajipanmu itu, engkau akan menjadi lebih tenang dan wajahmu akan lebih bersinar. Percayalah juga bahawa engkau akan menjadi insan yang berdisiplin asbab atas amalanmu yang menjaga solat. Oleh itu, tugas atau aktiviti kampusmu juga akan lebih mudah untuk diselesaikan.

## PESANAN KEDUA

Wahai mahasiswa, jadikanlah rumah Allah di kampusmu sebagai lokasi wajibmu selain dewan kuliah. Rajinkanlah dirimu untuk mengunjungi rumah Allah dan cubalah sentiasa menunaikan solatmu secara berjemaah di rumah Allah kerana besar sungguh pahalanya. Jika engkau letih, pergilah ke rumah Allah untuk beristirahat dan jangan lupa untuk berniat iktikaf. Percayalah bahawa engkau akan menikmati rasa tenangnya apabila berada di situ. Segala masalah dan keserabutanmu juga insyaAllah akan hilang. Gunakanlah peluang dan kesempatan yang ada semasa engkau berada di alam kampus untuk sentiasa istiqamah ke rumah Allah. Percayalah bahawa amalan tersebut akan engkau bawa apabila berada di luar sana suatu hari nanti. Hal ini kerana engkau sudah terbiasa. Engkau akan sentiasa ada keinginan untuk ke rumah Allah.



# Wadah Akademia

## PESANKU BUATMU WAHAI MAHASISWA

Oleh

MUSMULIADI BIN KAMARUDING

Pengajian Kejuruteraan Awam, Kolej  
Pengajian Kejuruteraan, UiTM Shah Alam,  
40450, Shah Alam, Selangor

[musmuliadi@uitm.edu.my](mailto:musmuliadi@uitm.edu.my)

EDITOR: NURSYAZNI ABDUL RAHIM

**Menjejakkan kaki** ke alam universiti dan bergelar sebagai seorang mahasiswa adalah impian setiap insan yang dahagakan ilmu. Hal ini kerana, terlalu banyak ilmu yang akan diperoleh dan dipelajari semasa menuntut di universiti tidak kira sama ada menuntut di universiti awam mahupun swasta. Walaupun mungkin ada dalam kalangan mahasiswa yang menuntut di universiti dalam bidang yang bukan diminati atau seperti yang dikehendaki, namun percayalah bahawa itulah sebenarnya bidang atau rezeki yang terbaik untukmu.

Hal ini telah ditakdirkan oleh Sang Maha Pencipta yang lebih mengetahui sesuatu yang terbaik untuk hambanya. Terimalah dan teruskan pengajianmu. Jangan sia-siakan peluang yang telah diberikan oleh-Nya. Hal ini kerana bukan semua orang mempunyai peluang untuk bergelar mahasiswa di universiti.

Percayalah dan yakinlah bahawa akan ada hikmah disebaliknya. Justeru, coretan atau perkongsian ini mengandungi lima pesan utama buatmu khas wahai mahasiswa yang mungkin bermanfaat untukmu sepanjang dalam pengajian demi mengejar cita-citamu.

## PESANAN KETIGA

Wahai mahasiswa, jadikanlah juga al-Qur'an sebagai sahabatmu. Jagalah ia sebaik-baiknya. Jangan pernah tinggalkannya. Jenguklah dan bacalah ia pada setiap hari walau selembat, sebaris atau sehuruf. Percayalah bahawa besar ganjarannya yang akan engkau peroleh. Jika engkau tidak pandai membacanya, pergilah ke Pusat Islam kampusmu untuk mencari guru yang bisa mengajarkanmu. Jangan pernah rasa segan dan malu untuk belajar. Anda tidak akan pernah rugi kalau anda belajar mengaji kerana ia boleh jadi saham akhiratmu juga. Gunakanlah sebaiknya waktu alam kampusmu untuk belajar. Hal ini kerana, bila anda berada di luar sana nanti, mungkin anda tiada masa untuk belajar kerana anda akan disibukkan dengan urusan dan bebanan kerja.

## PESANAN KEEMPAT

Wahai mahasiswa, alam kampusmu mungkin berbeza dengan alam persekolahanmu yang dahulu. Hidupmu di alam kampus mungkin lebih bebas. Namun, engkau tidak boleh sesuka hati melanggar peraturan kampusmu. Engkau perlu mengikuti segala peraturan yang telah ditetapkan. Janganlah engkau leka dengan kehidupan alam kampusmu. Janganlah engkau terpengaruh dengan rakan kampusmu yang membawa ke arah negatif. Pilihlah kawan dengan sebaik-baiknya yang mampu memandu dan membimbing engkau ke jalan yang lurus dan benar. Jadikanlah juga alam kampusnya sebagai medan untuk engkau mentarbiyyah dirimu agar menjadi insan yang lebih bermakna dan berguna pada masa hadapan serta sentiasa lebih bersedia berhadapan dengan cabaran yang lebih mencabar di luar sana nanti.



## PESANAN KELIMA

Wahai mahasiswa, sudah semestinya engkau ingin menjadi seorang yang berjaya dalam hidup. Mencapai kejayaan itu sebenarnya bukan susah. Tetapi harus diingat ia juga bukanlah sesuatu yang mudah untuk dicapai. Justeru, bagaimana untuk merealisasikan kejayaan itu? Resepinya ialah usaha dan teruskan berusaha. Jangan pernah berhenti untuk terus mencuba. Terus kanlah berusaha. Gagal sekali bukan bermaksud engkau akan gagal buat selama-lamanya. InsyaAllah suatu hari nanti akan sampai masanya juga engkau akan mencetak 1001 kejayaan dan kemenangan. Belajarlah bersungguh-sungguh. Jangan pernah mengenal erti berputus asa untuk mencapai cita-citamu.

## KESIMPULAN

Wahai mahasiswa, untuk engkau mencapai kejayaan dan kemenangan, engkau haruslah menyulaminya dengan amalan kerohaniaan. Walau tidak banyak amalan yang engkau dapat lakukan, istiqamahlah dengan amalan tersebut. Tujuannya adalah untuk melahirkan akhlak peribadi yang mulia dalam dirimu agar engkau kuat dan tidak tunduk dengan hawa nafsumu. Ingatlah juga bahawa apabila engkau sudah berjaya di luar sana, jangan pernah lupa akan tanggungjawabmu sebagai khalifah dan hamba Allah SWT. Sujudlah sentiasa di muka bumi ini. Jangan pernah sombong dan teruskanlah berbakti kepada ibu bapamu. Sekian.

